

Bimbingan Spiritual Menurut al-Ghazālī dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling: Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS)

SALASIAH HANIN HAMJAH

ABSTRAK

Penerapan elemen spiritual dalam kaunseling merupakan satu keperluan yang telah diiktiraf secara meluas oleh pengamal-pengamal kaunseling pada masa kini. Ini kerana pelbagai masalah yang dihadapi oleh manusia bukan sahaja berpunca daripada aspek lahiriah tetapi juga berpunca daripada aspek spiritual (batiniah) terutama yang bersangkutan dengan soal hati dan emosi. Justeru itu kajian ini bertujuan untuk meneliti adakah bimbingan spiritual khususnya dari perspektif al-Ghazālī diaplikasikan dalam pelaksanaan sesi kaunseling di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Selain itu, kajian ini juga cuba melihat adakah terdapat hubungan antara bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dengan keberkesanan kaunseling. Ia juga bertujuan untuk mengkaji adakah terdapat perbezaan faktor perkahwinan dengan kecenderungan kaunselor menerapkan bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dalam kaunseling. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan (survey) dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama. Seramai 30 orang responden telah dipilih secara bertujuan (purposive) daripada kalangan klien yang pernah menjalani sesi kaunseling di PK MAINS. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī diaplikasikan dalam sesi kaunseling khususnya konsep tazkiyah al-nafs. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara bimbingan spiritual dari perspektif al-Ghazālī dengan keberkesanan kaunseling ($r = 0.469$; $p < 0.01$). Selain itu, hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan faktor perkahwinan dengan kecenderungan kaunselor menerapkan pemikiran al-Ghazālī tentang bimbingan spiritual dalam kaunseling ($t = 3.450$; $p < 0.05$).

Kata kunci: kaunseling, bimbingan spiritual, tazkiyah al-nafs, al-Ghazālī

Spiritual Guidance According to Al-Ghazālī and it's Relationship with the Effectiveness of Counseling: A Case Study at the Counseling Centre of Islamic Religious Council of Negeri Sembilan

ABSTRACT

Application of spiritual elements in counseling is vital and has been recognized widely by counseling practitioners nowadays. This is because most of the problems faced by human being are not only due to the external factors but also the spiritual aspects especially those related to one's heart feelings and emotions. Hence, this research attempts to study whether al-Ghazālī's spiritual guidance is implemented in the counseling sessions at Counseling Centre of Islamic Religious Council of Negeri Sembilan, Malaysia. Besides, this study also examines the relationship between the spiritual guidance from al-Ghazālī's perspective and the effectiveness of counseling. This study also examines the difference between marital status with the counselors preferences to apply al-Ghazālī's spiritual guidance in counseling. This study uses survey as its research design and questionnaires as the main instrument. 30 respondents were selected purposively among clients who have experienced counseling sessions at Counseling Centre of Islamic Religious Council of Negeri Sembilan, Malaysia. The result of the study shows that some aspects of al-Ghazālī's spiritual guidance are implemented in the counseling sessions especially those on the concept of purification of soul. The findings also show that there is a significant relationship between spiritual guidance from al-Ghazālī's perspective and the effectiveness of counseling ($r = 0.469$; $p < 0.01$). Besides, the research also highlights a difference between marital status with the counselors preferences to apply al-Ghazālī's spiritual guidance in counseling ($t = 3.450$; $p < 0.05$).

Keywords: counseling, spiritual guidance, purification of soul, al-Ghazālī

PENDAHULUAN

Persoalan spiritual atau kerohanian dalam kaunseling merupakan persoalan penting yang perlu diberikan perhatian wajar supaya perkhidmatan kaunseling yang diberikan lebih menepati keperluan semasa dan berupaya mengatasi permasalahan klien dengan berkesan. Malik Badri (1997: 8) menyatakan penekanan kepada aspek spiritual menurut ajaran Islam dalam kaunseling didapati memberi impak positif kepada kaedah penyelesaian masalah dalam kalangan klien. Perkara ini dijelaskan dalam kertas kerjanya;

During my thirty years of psychotherapeutic practice, I was, with the Grace of Allah, able to treat many patients through Islamic therapy when other secular and drug therapies have failed to bring them relief and tranquility. In the Khartoum North Clinic for Nervous Disorders, where I served as a senior psychologist, most of the patients referred to me were the 'reject' who failed to get any benefit from psychiatric drug and other therapies. Whenever I combined my behaviour and cognitive therapy with Islamic teaching and spiritual sentiments the improvement in my patients was beyond my expectations.

Keperluan ini juga disadari oleh Carl G.Jung (1933: 264) seorang Psikoanalisis, yang mengakui perlunya diserapkan nilai-nilai agama dalam kaunseling dengan menyatakan;

During the past thirty years, people from all the civilized countries of the earth have consulted me. I have treated many hundreds of patients. Among all my patients in the second half of life, that is to say, over thirty five there has not been one whose problem in the last resort was not that of finding a religious outlook on life. It is safe to say that every one of them fell ill because he had lost that which the living religions of every age have given to their followers and none of them has been really healed who did not regain his religious outlook.

Setakat pembacaan pengkaji, belum ada kajian yang dijalankan membincangkan tentang bimbingan spiritual dari perspektif al-Ghazālī dan hubungannya dengan keberkesanan kaunseling di negara ini mahupun di luar negara. Jika adapun kajian mengenainya, ia hanya menyentuh aspek spiritual secara umum sahaja. Contohnya kajian yang dijalankan meneliti kecenderungan klien membincangkan tentang aspek spiritual dalam kaunseling seperti kajian yang dilakukan oleh Rose, Westefeld dan Ansley (2001) daripada University of Iowa. Dalam kajian tersebut, pengkaji menggunakan alat ukuran seperti CAST (Client Attitudes Toward Spirituality in Therapy), INSPIRIT (The Index of Spiritual Experience), EAC-B (The Expectations about Counseling-Brief Form), CACL-R (The Counseling Appropriateness Check List-Religious Concerns), SDRS-5 (The Social Desirable Response Set-5 Scale) dan MPCL-A-R (The Religion Section of The Mooney Problem Check List-Adult Form). Kajian tersebut membuktikan lebih separuh daripada klien (55% = 53 orang) menunjukkan kecenderungan untuk membincangkan isu agama dan spiritual dalam kaunseling, 21% pula menyatakan tidak bersetuju untuk membincangkannya. Terdapat 27% daripada klien mahu membincangkan isu agama dan spiritual kerana

mereka percaya bahawa agama atau spiritual adalah penting untuk penyembuhan dan spiritual adalah penting dalam mekanisme penyesuaian. Hasil kajian tersebut jelas menunjukkan kajian dilakukan sekadar meneliti kecenderungan untuk membincangkan aspek spiritual dalam kaunseling bukannya mengaplikasikan spiritual dalam kaunseling.

Meskipun kajian spesifik tentang bimbingan spiritual dalam kaunseling belum ada dijalankan tetapi sudah ada kajian yang dijalankan meneliti aspek penerapan nilai-nilai Islam dalam kaunseling antaranya Noraida Mohamed @ Mohd. Nor (1996) *Pelaksanaan Kaunseling Islam: Satu Kajian Tentang Operasi yang Dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*, Zawanah Muhamad (1998) *Perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan di Jabatan-jabatan Agama Islam*, Kamal Abdul Manaf (1995) *Kaunseling Islam: Perbandingan Antara Amalan dan Teori Kaunseling Barat*, Kamal Abd. Manaf (2000) *Kaunseling Islam Satu Alternatif Baru di Malaysia*, Siti Zalikah Md.Noor (2002) *Kaunseling Menurut Perspektif Islam*, Wan Hussain Azmi Abdul Kadir (1994) *Kaunseling dan Psikologi Menurut Islam*, Zulkifli Bin Yusof (1992) *Bimbingan Manusia dan Agama: Perspektif Bimbingan Kaunseling* dan Ishammudin Ismail (1993) *Panduan Kaunselor Muslim*.

Kenyataan ini menunjukkan kebanyakan kajian tersebut hanya membincangkan tentang aplikasi nilai-nilai Islam secara umum sahaja malah boleh dikatakan mereka tidak menyentuh aspek bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dalam pelaksanaan sesi kaunseling.

Namun begitu, sudah ada kajian yang dijalankan meneliti pemikiran al-Ghazālī dan mengaitkannya dengan kaunseling sebagaimana dilakukan oleh Kamal Abdul Manaf (1997) dalam disertasi sarjananya bertajuk *Perbezaan dan Persamaan Pandangan Carl Rogers dan Al-Ghazali Terhadap Beberapa Aspek Kaunseling*. Selain itu, Siti Zalikah Md. Noor (2002) turut membincangkan pandangan al-Ghazālī tentang kaunseling dengan mengaitkannya dengan konsep *al-hisbah*. Paparan ini menunjukkan meskipun sudah ada penulisan yang dilakukan mengutarakan pandangan al-Ghazālī tentang kaunseling tetapi mereka hanya menyentuh secara umum dan tidak menyentuh secara terperinci bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa belum ada kajian yang dijalankan mengkaji tentang bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī apatah lagi menghubungkannya dengan keberkesanan kaunseling.

DEFINISI KONSEP DAN OPERASI

Bagi menghuraikan maksud bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī, ia perlu ditakrifkan berdasarkan dua perkataan iaitu bimbingan (*al-irshād*) dan spiritual (*al-nafsiyy*). *Al-irshād* menurut al-Ghazālī (2000, J.2: 466; J3: 542 dan J.2: 198) merupakan satu kaedah membimbing, mengajar atau menunjukkan cara menuju ke arah kebaikan (*maṣlahah / ma'rūf*) atau suatu matlamat mengikut syariat Islam.

Perkataan *al-nafsiyy* pula didefinisikan dalam kamus al-Mawrid (al-Ba[°]albakī 1997: 1184) sebagai mental dan spiritual. Justeru itu, apabila membincangkan tentang spiritual dan kerohanian menurut al-Ghazālī, empat elemen spiritual iaitu persoalan *al-nafs*, *al-qalb*, *al-rūḥ* dan *al-[°]aql* tidak boleh diabaikan lantaran ianya merupakan antara topik utama yang perlu diteliti apabila membincangkan pandangan beliau mengenai spiritual dan kerohanian.

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa *al-irshād al-nafsiyy* (bimbingan spiritual) menurut al-Ghazālī adalah suatu kaedah membimbing, mengajar atau menunjukkan cara menuju suatu matlamat atau ke arah kebaikan (*maṣlahah / ma'rūf*) berpandukan syariat Islam yang memfokus kepada aspek spiritual manusia (*al-rūḥ*, *al-[°]aql*, *al-nafs* dan *al-qalb*).

Bagi menghuraikan kaedah pengaplikasian *al-irshād al-nafsiyy* atau bimbingan spiritual tersebut, al-Ghazālī menjelaskan ia meliputi proses *tazkiyah al-nafs*. *Tazkiyah al-nafs* merupakan satu usaha membersihkan jiwa, hati dan diri manusia daripada kekotoran sifat-sifat keji dan kemudian menghiasinya dengan sifat-sifat murni yang memerlukan kesabaran lantaran proses ini memerlukan usaha gigih serta semangat yang kuat (al-Ghazālī 2000, J.1: 38; J.2: 539 dan 608). Kenyataan ini menjelaskan bahawa dalam proses *tazkiyah al-nafs* terdapat dua dimensi yang dikenali sebagai *mujāhadah al-nafs (al-takhallī)* dan *riyāḍah al-nafs (al-taḥallī)* yang bukan sekadar menyelesaikan masalah dalam kehidupan malah lebih jauh daripada itu iaitu untuk kesejahteraan dan kebahagiaan (*al-sa'ādah*) manusia di dunia dan akhirat (al-Ghazālī 1983: 17 dan 47; al-Ghazālī 2000, J.2: 624, Umaruddin 1977: 110).

Mujāhadah al-nafs merupakan salah satu daripada proses *tazkiyah al-nafs*. Ia adalah usaha berjuang dan melawan nafsu secara bersungguh-sungguh bagi menghapuskan segala sifat-sifat mazmumah yang terhasil daripada hasutan syaitan (al-Ghazālī 1994c: 15, al-Ghazālī

2000 J.2: 553 dan 630). Pengertian ini adalah sama dengan maksud *al-takhallī* iaitu mengosongkan dan membersihkan jiwa daripada selain Allah terutama daripada sifat-sifat mazmumah serta menurut nafsu (Ibn Manẓūr 1966, J.18: 265, Ṣalibā 1971: 537, al-^cAjam 1999: 169, Amatullah 1995: 231, Mustafa 1984: 74).

Riyāḍah al-nafs juga merupakan salah satu daripada proses *tazkiyah al-nafs*. Ia merupakan latihan jiwa secara beransur-ansur menuju ke arah kebaikan sehingga dapat menghiasi hati dengan sifat-sifat mahmudah (al-Ghazālī 1994c:79, al-Ghazālī 2000, J.3: 87 dan J.2: 602). Kaedah ini adalah bersamaan dengan proses *al-taḥallī* yang bermaksud menghiasi batin dan mengindahkannya dengan kebaikan (*al-faḍīlah*) untuk menghampirkan diri kepada Allah (al-Khafīfī 1980: 43, al-^cAjam 1999: 168, al-Ghazālī 2000, J.1: 107, Zakaria 1997: 88). Perbincangan mengenai *riyāḍah al-nafs (al-taḥallī)* menurut al-Ghazālī dapat dibahagikan kepada beberapa aspek antaranya memantapkan keimanan, mempertingkatkan ibadah dan mengamalkan sifat-sifat mahmudah.

Aplikasi bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dalam kajian ini diukur dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan. Dalam Bahagian B (6 soalan) soalan yang dikemukakan berkenaan dengan komponen *mujāhadah al-nafs (al-takhallī)* menurut al-Ghazālī dikemukakan seperti contohnya:

1. Adakah kaunselor anda mencadangkan anda agar mengawal rasa marah?
2. Adakah kaunselor anda mencadangkan anda agar tidak bersikap dengki terhadap kejayaan orang lain.
3. Adakah kaunselor anda pernah menasihatkan anda supaya menjaga pertuturan sewaktu berkata-kata dengan orang lain dalam kehidupan anda.

Bahagian C (17 soalan) berkaitan komponen *riyāḍah al-nafs* menurut al-Ghazālī sebagai contohnya soalan-soalan seperti berikut;

1. Adakah kaunselor anda pernah menggalakkan anda supaya bangun malam (*qiyām al-layl*) bagi mencari ketenangan untuk mengatasi masalah anda?
2. Adakah kaunselor anda pernah mendorong anda supaya muhasabah diri anda dengan cara merenungkan kebaikan atau keburukan yang anda lakukan dalam kehidupan anda?

3. Adakah kaunselor mencadangkan anda agar berdoa kepada Allah s.w.t bagi mengatasi masalah yang dihadapi?

Keberkesanan kaunseling pula diukur dengan menggunakan borang soal selidik melalui cara;

- i. Mendapatkan persepsi klien tentang keberkesanan sesi kaunseling yang dijalankan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.
- ii. Mendapatkan pengakuan klien tentang kepuasan terhadap perkhidmatan kaunseling yang diberikan.

Di antara contoh-contoh soalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik ialah:

1. Adakah pengalaman kaunseling yang anda ikuti di Pusat Kaunseling MAINS berjaya mengatasi masalah yang anda hadapi?
2. Adakah anda berpuas hati dengan perkhidmatan kaunseling yang diberikan di PK MAINS?

TUJUAN KAJIAN

Objektif kajian ialah untuk melihat adakah bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī diaplikasikan dalam sesi kaunseling di PK MAINS. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan di antara bimbingan spiritual dari perspektif al-Ghazālī dengan keberkesanan kaunseling. Di samping itu, kajian ini juga cuba melihat adakah terdapat perbezaan faktor taraf perkahwinan dengan kecenderungan kaunselor menerapkan pemikiran al-Ghazālī tentang bimbingan spiritual dalam kaunseling.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan (*survey*) dengan menggunakan instrumen utama iaitu borang soal selidik yang seragam. Seramai 30 orang responden telah dipilih untuk mengisi borang soal selidik daripada kalangan klien yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling di PK MAINS. Borang soal selidik yang dibina untuk kajian ini mengandungi 35 item (soalan). Ianya boleh dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A (7 soalan) berkenaan latar belakang responden, Bahagian B (6 soalan) berkenaan dengan komponen *mujāhadah al-nafs* menurut al-Ghazālī, Bahagian C (17 soalan) berkaitan komponen *riyādah al-nafs* menurut al-Ghazālī dan Bahagian

D (5 soalan) berhubung persepsi klien tentang kepuasan mengikuti perkhidmatan kaunseling yang diberikan di Pusat Kaunseling MAINS.

Proses mendapatkan responden pula dilakukan secara kaedah bukan kebarangkalian (*non-probability*) serta secara bertujuan (*purposive sampling*). Dalam kaedah ini kemungkinan seseorang responden terpilih sebagai sampel tidak diketahui. Oleh itu, penyelidik tidak boleh mendakwa bahawa sampel dalam kajian ini mewakili sebahagian besar populasi lokasi kajian iaitu di Pusat Kaunseling MAINS. Pembolehubah terikat dan pembolehubah bebas diukur dengan menggunakan skala norminal dan ratio. Sebagai contohnya skala norminal digunakan dalam soalan no. 1, Bahagian A iaitu mengenai jantina. Skala ratio pula digunakan sewaktu mengkaji tentang pendapatan dan umur responden.

Meskipun Borang Soal Selidik dijadikan instrumen utama dalam kajian ini, penyelidik turut menggunakan kaedah lain iaitu kaedah observasi dan temu bual bagi mendapatkan fakta yang lebih tepat. Kaedah observasi ini secara umumnya merupakan aktiviti meliputi tindakan menganalisis, menafsir dan membayangkan keadaan yang terdapat di dalam sesebuah proses kaunseling. Metode ini penting untuk mengenal pasti masalah dan keadaan sebenar dalam pelaksanaan proses kaunseling di Pusat Kaunseling MAINS. Kaedah temu bual pula dilakukan bagi menyokong fakta yang diperolehi menerusi borang soal selidik. Akhirnya, segala data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis secara berkomputer menggunakan program Statistical Program for Social Sciences version 12 atau SPSS 12.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī diaplikasikan dalam pelaksanaan sesi kaunseling di PK MAINS. Ia meliputi komponen *tazkiyah al-nafs* (*mujāhadah dan riyāḍah al-nafs*). Jadual 1 menunjukkan komponen *mujāhadah al-nafs* yang paling banyak diterapkan dalam sesi kaunseling di PK MAINS ialah mencadangkan klien agar membuang perasaan benci kepada orang lain (73.3%, 22 orang) diikuti dengan kaunselor menggalakkan klien supaya mengawal rasa marah (56.7%, 17 orang) dan ketiga banyak pula ialah kaunselor mencadangkan klien menjaga pertuturan dan tidak menggunakan bahasa kasar yang boleh menyakitkan hati orang lain (53.3%, 16 orang).

Jadual 1: Komponen *Mujāhadah Al-nafs* Menurut Al-Ghazālī yang Diaplikasikan dalam Kaunseling

Komponen <i>mujāhadah al-nafs</i>	n	Peratus
Kaunselor mencadangkan klien mengawal rasa marah	17	56.7
Kaunselor mencadangkan klien tidak bersikap dengki terhadap kejayaan orang lain	6	20.0
Kaunselor mencadangkan klien menjaga pertuturan dan tidak menggunakan bahasa kasar yang boleh menyakitkan hati orang lain	16	53.3
Kaunselor mencadangkan klien tidak bersikap benci kepada orang lain	22	73.3
Kaunselor mencadangkan klien tidak berendam kepada orang lain	13	43.3
Kaunselor mencadangkan klien tidak bersikap sombong	8	26.7

Dalam kajian yang dijalankan, kaunselor menggunakan pendekatan dakwah yang berhikmah dalam menerapkan kaedah membuang perasaan benci kepada orang lain. Sebagai contohnya ada kes yang ditangani melibatkan perasaan benci seorang isteri kepada suami atau kebencian seorang suami kepada isteri disebabkan oleh kecurangan, pergaduhan, penagihan dadah, minum arak dan sebagainya (Fadhilah 2007; Norazman 2007; Wan Aminuddin 2007; Mahadi 2007; Che Rozita 2007).

Dalam mengatasi masalah tersebut, kaunselor menerapkan ajaran Islam tentang galakan berkasih sayang sesama umat Islam (Che Rozita 2007) dan memberikan kemaafan di atas kesilapan pasangan sebagaimana Allah berfirman;

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ

Berikanlah kemaafan serta suruhlah melakukan kebaikan.

(al-A'raf: 199)

Pandangan kaunselor ini adalah selari dengan pandangan al-Ghazālī yang secara umumnya menjelaskan bahawa perasaan benci boleh dihindari jika seseorang itu menghayati ajaran Islam yang

menggalakkan umatnya supaya menjalinkan silaturrahim serta saling sayang menyayangi antara satu sama lain. Perkara ini banyak dikupas oleh al-Ghazālī (2000 J.2: 214) dalam Kitāb *Ādāb al-Uḫfah wa al-Ukhuwwah* seperti menjelaskan tentang *ukhuwwah fi Allāh*, memberikan kemaafan, menepati janji, ikhlas serta menunaikan hak-hak sesama Muslim, hak jiran tetangga, hak saudara mara, hak ibu bapa dan sebagainya.

Kaunselor juga menjelaskan tentang keharusan (suami atau isteri) merasa marah dan benci terhadap perbuatan maksiat yang dilakukan oleh pasangan. Namun itu tidaklah bermakna terus mengusutkan perhubungan dan mengakhirinya dengan perceraian sebaliknya menegur secara baik dan membimbingnya ke jalan yang benar. Ini adalah selari dengan pandangan al-Ghazālī yang berpendapat adalah wajar membenci seseorang kerana perbuatan maksiat yang dilakukan malah kebencian itu merupakan salah satu tanda kecintaan seorang hamba kepada Penciptanya. Ini kerana orang yang mencintai Allah s.w.t. akan benci kepada semua perbuatan maksiat (al-Ghazālī 2000 J.2: 435). Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna Islam mengajar umatnya supaya membenci orang yang melakukan maksiat tetapi hendaklah berusaha membimbingnya ke jalan yang diredai Allah dengan cara memberikan nasihat dan peringatan secara penuh belas kasihan dan kasih sayang (al-Ghazālī 2000 J.2: 448).

Dalam kajian ini juga didapati kaunselor menggalakkan klien supaya mengawal rasa marah (56.7%, 17 orang). Kaunselor ada menerapkan ajaran Islam dalam menyarankan klien supaya mengawal rasa marah seperti duduk jika sedang berdiri, berbaring jika sedang duduk ataupun mengambil wuduk (Mohd. Husaini 2007; Zana Roslinda 2007; Che Rozita 2007). Semua saranan ini bertepatan dengan ajaran Islam dan pandangan al-Ghazālī yang dipetik dalam hadis sebagaimana berikut;

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَنَا إِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ
وَهُوَ قَائِمٌ فَلْيَجْلِسْ

Daripada Abu Zar, Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jika seseorang daripada kamu marah dan ketika marah itu sedang berdiri maka duduklah”.

(Abū Daūd, *Sunan Abī Daud*, Kitāb al-Adāb (40), Bab 3)

حَدَّثَنِي أَبِي عَنْ جَدِّي عَطِيَّةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ
 الْغَضَبَ مِنَ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ مِنَ النَّارِ وَإِنَّمَا تُطْفَأُ النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا
 غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ

Daripada Atiyah, Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya kemarahan itu daripada syaitan dan syaitan itu pula diciptakan Allah s.w.t. daripada api dan api itu dapat dipadamkan dengan air. Oleh itu, apabila di kalangan kamu marah hendaklah berwudu’.

(Abū Daūd, *Sunan Abī Daud*, Kitāb al-Adāb (40), Bab 3)

Kajian ini juga mendapati kaunselor mencadangkan klien supaya menjaga pertuturan dan tidak menggunakan bahasa kasar yang boleh menyakitkan hati orang lain (53.3%, 16 orang). Masalah kekasaran tutur kata sering berlaku dalam kes pergaduhan suami isteri (Fadhilah 2007; Norazman 2007; Mahadi 2007; Zana Roslinda 2007; Che Rozita 2007). Bagi mengatasi masalah tersebut, kaunselor mencadangkan klien supaya bersifat sabar dan tidak membalas balik cacian yang dilemparkan sebaliknya berdiam diri bagi meredakan situasi yang begitu tegang (Mahadi 2007; Che Rozita 2007).

Kaedah ini sebenarnya mempunyai persamaan dengan kaedah memelihara lidah daripada melafazkan kata-kata yang boleh mencetuskan pertengkaran menurut al-Ghazālī. Saranan ini juga adalah berasaskan kepada suruhan Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang menggalakkan umatnya supaya mendiamkan diri meskipun dia berada di pihak yang benar sewaktu berhadapan dengan orang yang sedang marah dan melemparkan kata-kata kesat. Ini bagi mengelakkan pertengkaran berlarutan malah orang yang berjaya mengawal emosi dan menahan diri daripada membalas balik kata-kata kasar tersebut akan ditempatkan dirinya di dalam sebuah rumah di pinggiran syurga.

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا زَعِيمٌ بَيْتٍ فِي رَيْصِ
 الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَإِنْ كَانَ مُحِقًّا وَبَيْتٍ فِي وَسْطِ الْجَنَّةِ لِمَنْ تَرَكَ الْكَذِبَ وَإِنْ
 كَانَ مَارِحًا وَبَيْتٍ فِي أَعْلَى الْجَنَّةِ لِمَنْ حَسَّنَ خُلُقَهُ

Rasulullah s.a.w. bersabda: Aku pemimpin di sebuah rumah di pinggiran syurga bagi orang yang meninggalkan pertengkaran meskipun dia di pihak yang

benar dan di sebuah rumah di tengah-tengah syurga bagi orang yang menjaga dirinya daripada berdusta meskipun bergurau dan di sebuah rumah di kawasan tertinggi di dalam syurga bagi orang yang berakhlak baik.

(Abū Daūd, *Sunan Abī Daud*, Kitāb al-Adāb (40), Bab 7)

Selain komponen *mujāhadah al-nafs*, dalam kajian ini turut mendapati bahawa komponen *riyāḍah al-nafs* menurut al-Ghazālī juga ada diimplementasikan dalam pelaksanaan sesi kaunseling di PK MAINS. Jadual 2 secara jelas menunjukkan tentang perkara ini. Komponen tersebut termasuklah berkaitan dengan ibadah, tanggungjawab serta sifat-sifat mahmudah. Hasil kajian mendapati perkara yang paling banyak ditekankan oleh kaunselor ialah mencadangkan klien menerima qada' dan qadar Allah s.w.t. dengan hati terbuka (83.3%, 25 orang). Dapatan yang sama juga ditemui di mana 83.3%, 25 orang di kalangan klien mengakui bahawa kaunselor mencadangkan mereka supaya memperbanyakkan doa bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Ini diikuti dengan kaunselor mencadangkan klien menyerahkan segala urusan kehidupan kepada Allah s.w.t dan bertawakal kepada-Nya setelah berusaha (73.3%, 22 orang). Seterusnya diikuti pula kaunselor mencadangkan agar klien bersyukur dengan segala anugerah Allah s.w.t. (56.7%, 17 orang). Di sini dapatlah dirumuskan bahawa menerima qada' dan qadar Allah, berdoa, bertawakal serta bersyukur merupakan perkara-perkara yang kerap diberikan penekanan dalam sesi kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor di PK MAINS.

Mengaplikasikan elemen penerimaan qada' dan qadar Allah dalam kaunseling dilakukan oleh kaunselor berdasarkan kepada kes-kes yang sesuai. Sebagai contoh kes seorang klien yang mengalami kesedihan dan kekecewaan kerana suami menceraikannya. Klien diingatkan dengan penuh kelembutan supaya reda dengan qada' dan qadar Allah, tidak mudah berputus asa dan menyedarkannya bahawa kesedihan itu sebagai satu ujian Allah malah kesedihan itu dapat dijadikan sumber kekuatan dan menyuntik semangat klien agar meneruskan kehidupan (Mahadi 2007; Che Rozita 2007).

Menerapkan kesedaran dalam diri klien supaya banyak berdoa kepada Allah s.w.t. bagi mengatasi masalah yang dihadapi juga merupakan antara pendekatan yang banyak ditekankan oleh kaunselor. Perkara ini perlu diperjelaskan kepada klien kerana Islam menggalakkan umatnya supaya berdoa sebagaimana firman Allah s.w.t.;

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ
جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong (takbur) daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina.

(Surah al-Mukmin 40: 60)

Galakan berdoa sewaktu mengalami kesukaran hidup turut ditekankan oleh Rasulullah s.a.w., malah baginda sendiri mengajarkan umatnya cara berdoa ketika menghadapi kesusahan sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas;

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْعُو عِنْدَ الْكَرْبِ يَقُولُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ
الْحَلِيمُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

Adalah nabi apabila menghadapi kesusahan akan berkata: “Tiada Tuhan selain Allah yang Maha Besar lagi Maha Pengasih, Tiada Tuhan melainkan Allah Tuhan semesta alam dan Tuhan Arasy yang Tinggi.

(Al-Bukhārī, *Sahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Da‘awāt (80) Bab 27)

Jadual 2: Komponen *Riyāḍah Aal-nafs* Menurut Al-Ghazālī yang Diaplikasikan dalam Kaunseling

Komponen <i>riyāḍah al-nafs</i> menurut al-Ghazālī	n	Peratus
Kaunselor mencadangkan agar menjaga solat lima waktu	10	33.3
Kaunselor mencadangkan agar bangun malam bagi mengerjakan solat hajat, istikharah dan sebagainya bagi mencari ketenangan untuk mengatasi masalah anda.	15	50.0
Kaunselor mencadangkan agar membaca al-Quran bagi mencari ketenangan hati.	3	10.0
Kaunselor mencadangkan agar belajar menerima qada' dan qadar Allah dengan hati yang terbuka.	25	83.3

Kaunselor mencadangkan agar yakin dan sedar tentang adanya hari akhirat bagi menghitung segala amalan yang dilakukan di dunia ini.	5	16.7
Kaunselor mencadangkan agar menyerahkan segala urusan kehidupan anda kepada Allah dan bertawakal kepada-Nya setelah berusaha sebaik mungkin.	22	73.3
Kaunselor menyedarkan tentang tanggungjawab anda sebagai ibu / bapa kepada anak-anak.	14	46.7
Kaunselor menyedarkan tentang tanggungjawab anda sebagai suami / isteri.	14	46.7
Kaunselor mencadangkan agar bersyukur dengan segala anugerah Allah.	17	56.7
Kaunselor mencadangkan agar bertaubat tidak akan berzina.	5	16.7
Kaunselor mencadangkan agar bertaubat tidak akan meninggalkan solat.	3	10.0
Kaunselor mencadangkan agar bertaubat tidak akan mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu / bapa kepada anak-anak.	7	23.3
Kaunselor mencadangkan agar bertaubat tidak akan mengabaikan tanggungjawab sebagai suami / isteri.	9	30.0
Kaunselor mencadangkan agar bertaubat tidak akan mendera isteri / suami.	3	10.0
Kaunselor mencadangkan agar bertaubat tidak akan mendera anak-anak.	2	6.7
Kaunselor mencadangkan agar memperbanyakkan doa kepada Allah s.w.t bagi mengatasi masalah yang dihadapi.	25	83.3
Kaunselor mencadangkan agar melakukan muhasabah diri dengan cara merenungkan kebaikan atau keburukan yang anda lakukan dalam kehidupan anda.	11	36.7

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kaunselor bukan sahaja mencadangkan klien melakukan amalan-amalan kebaikan seperti menerima qada' dan qadar Allah di samping berdoa memohon petunjuk-Nya mengatasi masalah yang membingungkan fikiran tetapi

turut menghuraikan ajaran Islam yang dikupas daripada al-Quran dan al-Hadith yang menggalakkan umatnya melakukan hal-hal seumpama itu.

Hasil kajian turut mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dengan keberkesanan kaunseling di Pusat Kaunseling MAINS sebagaimana berikut;

Jadual 3: Hubungan di Antara Bimbingan Spiritual Menurut Al-Ghazālī dengan Keberkesanan Kaunseling di Pusat Kaunseling MAINS.

Pembolehubah	nilai r
Spiritual Persepsi	.469**

** $p < 0.01$

Dapatan kajian melalui ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan antara bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dengan keberkesanan kaunseling di kalangan subjek ($r = .469$; $p < 0.01$).

Penemuan saintifik menerusi ujian korelasi Pearson tersebut dapat dikukuhkan lagi dengan pengakuan atau persepsi responden tentang keberkesanan kaunseling yang dijalankan di PK MAINS. Jadual 4 menunjukkan faktor yang paling tinggi menyumbang ke arah keberkesanan kaunseling ialah kaunselor menerima klien tanpa syarat dan berjaya membina kemesraan dengan klien 90% (27 orang). Ini diikuti pula oleh faktor kaunselor ada menerapkan nilai-nilai Islam / dakwah dalam kaunseling iaitu sebanyak 83.3% (25 orang) dan 80% (24 orang) menyatakan keberkesanan kaunseling di PK MAINS adalah disebabkan oleh faktor kaunselor berkemahiran dan bersikap profesional.

Paparan ini jelas membuktikan bahawa persepsi responden terhadap keberkesanan kaunseling yang disebabkan oleh penerapan nilai-nilai Islam dalam kaunseling adalah terletak dalam senarai kedua tertinggi selepas faktor kaunselor menerima klien tanpa syarat dan berjaya membina kemesraan dengan klien. Daripada dapatan ini juga jelas menunjukkan bahawa persepsi responden turut membuktikan bahawa wujudnya hubungan yang kukuh di antara bimbingan spiritual dalam kaunseling dengan keberkesanan kaunseling.

Jadual 4: Faktor Menyebabkan Klien Berpuas Hati dengan Perkhidmatan Kaunseling yang Diberikan di PK MAINS

Faktor	n	Peratus
Kaunselor berkemahiran dan bersikap profesional	24	80.0
Kaunselor menerima klien tanpa syarat dan berjaya membina kemesraan dengan klien.	27	90.0
Masalah klien dapat diatasi dengan berkesan.	19	63.3
Kaunselor ada memasukkan nilai-nilai Islam / dakwah dalam kaunseling.	25	83.3

Selain penemuan dalam kajian ini, pengkaji suka memetik penemuan pengkaji lain tentang perkara ini yang diharapkan dapat memperkukuhkan fakta yang telah ditemui dalam kajian ini. Antara contohnya ialah pandangan Hassan Langgulung (1997: 3) yang mencadangkan agar para sarjana dan ahli psikologi Islam memikirkan cara untuk mewujudkan falsafah bimbingan dan kaunseling Islam berteraskan kepada paradigma agama yang mengutamakan pendekatan tauhid dan pengabdian diri kepada penciptanya. Justeru itu, antara langkah utama yang perlu diberikan perhatian ialah dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kaunseling dengan meneliti semula amalan kaunseling Barat yang diamalkan secara meluas.

Selain itu, penemuan Abdu Rahman Ibrahim (2001: 20) dalam kajian sarjananya membuktikan betapa perlunya nilai-nilai Islam diasimilisasikan dalam pelaksanaan proses kaunseling. Dalam kajian tersebut, beliau menyarankan perlunya unit kerjaya dan kaunseling melaksanakan perkhidmatan kaunseling Islam kepada pelajar dan kakitangan di UiTM Shah Alam dengan memberi penekanan kepada klien yang beragama Islam supaya kembali ke jalan yang diredai Allah s.w.t. dengan menghayati al-Quran, mengenal diri dan asal kejadian, tujuan ia diciptakan, matlamat kehidupannya serta tempat kembalinya dengan mengukuhkan keimanan kepada Allah s.w.t. Secara ringkasnya dirumuskan pandangan Hassan Langgulung dan Abdu Rahman Ibrahim membayangkan betapa perlunya diserapkan nilai-nilai Islam dalam kaunseling lantaran mengandaikan pendekatan yang digariskan Islam mampu mengatasi masalah umat Islam secara lebih berkesan.

Hasil kajian ini turut mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor perkahwinan dengan kecenderungan kaunselor

Jadual 5: Keputusan Analisis Ujian *t* Melihat Perbezaan Faktor Perkahwinan dengan Kecenderungan Kaunselor Menerapkan Pemikiran Al-Ghazālī Tentang Bimbingan Spiritual dalam Kaunseling.

	n	Min	S.P	df	t
Berkahwin	22	9.363	1.813	28	3.450
Bujang	8	7.000	1.069		

menerapkan pemikiran al-Ghazālī tentang bimbingan spiritual dalam kaunseling melalui analisis ujian *t* ($t = 3.450$; $p < 0.05$).

Dapatan ini menjelaskan bahawa kaunselor lebih cenderung menerapkan pemikiran al-Ghazālī tentang bimbingan spiritual dalam kaunseling kepada klien yang telah berumah tangga. Perkara ini berkemungkinan disebabkan oleh banyaknya masalah yang dihadapi oleh klien yang telah berumah tangga seperti contohnya 46.7% (14 orang) dalam kalangan responden mengaku bahawa kaunselor berjaya menyedarkan mereka tentang tanggungjawab sebagai ibu atau bapa kepada anak-anak. 46.7% (14 orang) juga menjelaskan bahawa kaunselor ada menyedarkan mereka tentang tanggungjawab sebagai suami atau isteri. Selain itu didapati juga 23.3% (7 orang) menyatakan kaunselor mencadangkan supaya klien bertaubat tidak akan mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu atau bapa kepada anak-anak, 30% (9 orang) pula menyatakan kaunselor mencadangkan mereka agar bertaubat tidak akan mengabaikan tanggungjawab sebagai suami atau isteri dan 10% (3 orang) menerangkan, kaunselor mencadangkannya agar bertaubat tidak akan mendera isteri atau suami.

KESIMPULAN

Daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī khususnya mengenai *tazkiyah al-nafs* ada diimplementasikan dalam pelaksanaan kaunseling di PK MAINS. Berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada kajian ini juga dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dengan keberkesanan kaunseling di PK MAINS. Ini jelas menggambarkan perlunya diterapkan nilai-nilai bimbingan spiritual menurut al-Ghazālī dalam kaunseling bagi

mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang diberikan di samping menambah kecekapan dan profesionalisme kaunselor.

RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh. 1990. *Pengantar Ilmu Tarekat, Uraian Tentang Mistik*. cet. ke vi, Solo: CV Ramadhani.
- Abdu Rahman Ibrahim. 2001. Peranan Kaunseling dalam Dakwah: Kajian Khusus di Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam. Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abū Dāud, Sulaimān Bin al-Asy'ath al-Azdiyy al-Sijistānī. 2000. *Kitāb Sunan Abī Dāud*. Bayrūt: Dār Ihyā' Turāth al-'Arabī.
- al-°Ajam, Rafiq. 1999. *Mawsū'ah Muṣṭalahāt al-Tasawwuf al-Islāmī*. Bayrūt: Maktabah Lubnān Nāshirūn.
- Amatullah Armstrong. 1995. *Kunci Memasuki Dunia Tasawuf*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Amatullah Armstrong. 1995. *Sufi Terminology (Al-Qamus al-Sufi), The Mystical Language of Islam*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Al-Bukhārī. Abu Abdullah, Muḥammad B. Ismāil B. Ibrāhīm B. al-Mughīrah. 1992. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-°Ilmiah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid, Muḥammad Bin Aḥmad. 1983. *Mīzān al-°Amal*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-°Arabī.
- _____. 1994. *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994a. *al-Ḥikmah fī Makhlūqāt Allah Azza Wajallā* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994b. *Mī'rāj al-Sālikīn* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994c. *Rawḍah al-Ṭālibīn wa °Umdah al-Sālikīn* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994d. *Khulāṣah al-Taṣānīf fī al-Tasawwuf* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī* . Bayrūt : Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994e. *Minhaj al-°Arifīn* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994f. *al-Risālah al-Ladūniyyah* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994g. *al-Risālah al-Wa'ziyyah* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- _____. 1994h. *al-Madnūn al-Ṣaghīr* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.

- _____. 1994i. *al-Adāb fī al-Dīn* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-^lIlmiah.
- _____. 1994j. *Sir al-'Ālamīn wa Kasyfma fī al-Dārain* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-^lIlmiah.
- _____. 1994k. *al-Durrah al-Fākhirah fī Kasyf^lUlūm al-Ākhirah* dalam *Majmū'ah Rasā'il al-Imām al-Ghazālī*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-^lIlmiah.
- _____. 1995. *Mukāsyafah al-Qulūb*. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-^lArabi.
- _____. 2000. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Tahqiq Abdul Rahim bin al-Husain al-^lIraqi, al-Qāhirah: Dār al-Taḥwa lī al-Turāth.
- Che Rozita Che Rahman. 2007. Pelaksanaan kaunseling di PK MAINS. Tampin: Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan. Temu bual, 7 Februari.
- Che Som Omar. 2007. Pelaksanaan kaunseling di PK MAINS. Bahau: Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan. Temu bual, 11 Februari.
- Cik Norazlina Maarof, 2007. Pelaksanaan Kaunseling di PK MAINS. Bahau: Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan. Temu bual, 5 Februari.
- Fadhilah Mohamed. 2007. Pelaksanaan Kaunseling di PK MAINS. Seremban: Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan. Temu bual, 18 Januari.
- Hasan Langgulung. 1990. Kaunseling dalam Masyarakat Islam. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling dalam Masyarakat Islam. Anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Kuala Lumpur, 25-26 September.
- Ibnu Manzūr. Jamal al-Dīn Muḥammad Bin Mukarram al-Anṣāri. 1966. *Lisān al-^lArab*. Qāhirah: Matba'ah al-Miṣriyyah.
- Ishammudin Ismail. 1993. *Panduan Asas Kaunselor Muslim*. Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Juhaidah @ Marshitah Bt Hj Ahmad. 2003. *Konsep Tazkiyyah al-Nafs Menurut Pandangan Imam al-Ghazali Kajian dari Perspektif Pembentukan Sahsiah*, Projek Ilmiah, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor.
- Jung, Carl G. 1933. *Modern Man in Search of a Soul*. Terj. W.S.Dell & Cary F.Baynes. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Kamal Abd. Manaf. 1995. *Kaunseling Islam: Perbandingan Antara Amalan dan Teori Kaunseling Barat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- _____. 1997. *Perbezaan dan Persamaan Pandangan Carl Rogers dan Al-Ghazali Terhadap Beberapa Aspek Kaunseling*. Disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, UKM.

- _____. 2000. *Kaunseling Islam: Satu Alternatif Baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- al-Khafīfī, °Abd. Al-Mun°im. 1980. *Mu°jam Mu°talahāt al-°Šūfiyyah*. Bayrūt: Dār al-Ma°šīrah.
- Mahadi Ali. 2007. Pelaksanaan kaunseling di PK MAINS. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Temu bual, 11 Februari.
- Maḥmūd, °Alī °Abd al-Ḥalīm. 1994. *Fiqh al-Da°wah al-Fardiyyah*. al-Man°šūrah: Dār al-Wafā° li al-Ṭiba°ah wa al-Nashr wa al-Tawzi°.
- Malik Badri. 1997. *Is the Islamization of Psychological Therapy and Counseling Really Necessary? And are the Contribution of Early Muslim Scholars of Any Relevance to Modern Psychotherapists?* Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kaunseling Islam VI. Kuala Lumpur, 20 September.
- Marshall, Catherine & Rossman Gretchen B. 1989. *Designing Qualitative Research*. London: Sage Publication.
- Al-Maydānī, Abd. Al-Raḥman Ḥassan Ḥabannakah. 1996. *Fiqh al-Da°wah Ila Allāh wa Fiqh al-Nu°ṣṣḥ wa al-Ir°shād wa al-Amr bi al-Ma°rūf wa al-Nahy °an al-Munkar*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Mohd. Husaini Hussin. 2007. Pelaksanaan Kaunseling di PK MAINS. Bahau: Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan. Temu bual, 5 Februari.
- al-Muslim, Muslim Bin al-Ḥajjāj ibn Muslim al-Qusyairi al-Naysābūrī. 1998. *°aḥīḥ Muslim*. Riyāq: Dār al-Salam.
- Mustafa Zahri. 1984. *Kunci Memahami Ilmu Tasawwuf*. Surabaya: Pt. Bina Ilmu.
- Noraida Mohamed @ Mohd. Nor. 1996. *Pelaksanaan Kaunseling Islam: Satu Kajian Tentang Operasi yang Dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu*. Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Norazman Amat. 2007. Pelaksanaan kaunseling di PK MAINS. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Temu bual, 2 Februari.
- Ba°albakī, Rūḥī. 1997. *al-Mawrid. Qāmūs °Arabi-°Inklīzī*. Bayrūt: Dār °Ilm Li al-Mālāyīn.
- Rose, Elizabeth M., Westefeld, John S. & Ansley, Timothy N. 2001. *Spiritual Issues in Counseling: Clients' Beliefs and Preferences*, Journal of Counseling Psychology. Vol. 48(1) January 2001; pp. 61-71. American Psychological Association.
- °alībā, Jamīl. 1971. *al-Mu°jam al-Falsafīyy bi al-Alfāz al-°Arabiyyah wa al-Fransīyyah wa al-Inklīziyyah wa al-Lātīniyyah*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Lubnānī.

- Siti Zalikhah Md.Noor. 2002. *Kaunseling Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Tirmīdhī, Abī Īsa Muḥammad bin Īsa Bin Surah. 1999. *Sunan al-Tirmīdhī*. Jilid 4. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Umaruddin, Muhammad. 1977. *The Ethical Philosophy of al-Ghazzali*. Lahore Pakistan: Sh. Muhammad Ashraf.
- Wan Aminuddin Wan Abdullah. 2007. Pelaksanaan Kaunseling di PK MAINS. Bahau: Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan. Temu bual, 7 Februari.
- Wan Hussain Azmi Abdul Kadir. 1994. *Kaunseling dan Psikologi Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa. 1997. *Akidah dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Syarikat Perniagaan RITA.
- Zana Roslinda Ujang. 2007. Pelaksanaan Kaunseling di PK MAINS. Tampin: Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam, Negeri Sembilan. Temu bual, 7 Februari.
- Zawanah Muhamad. 1998. *Perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan di Jabatan-jabatan Agama Islam*. Disertasi sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Zulkifli Bin Yusof. 1992. *Bimbingan Manusia dan Agama. Perspektif Bimbingan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu (M) Sdn. Bhd.

Dr. Salasiah Hanin Hamjah
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
salhanin@ukm.my